



NEGERI SABAH

[JPAN : 700-3/2 JLD.2 (24)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 12/2017

BAYARAN KHAS TAHUN 2017

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bayaran Khas Tahun 2017 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di atas keperihatinan Kerajaan menghargai kesetiaan penjawat awam dalam mendokong kemajuan negara serta melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan dengan cekap dan berkesan kepada rakyat.

3. Kerajaan juga bersetuju memberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM500.00 dan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

4. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bagi maksud menjelaskan mengenai kaedah pelaksanaan Bayaran Khas Tahun 2017 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri yang berasingan akan menjelaskan mengenai kaedah pelaksanaan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018.

PELAKSANAAN

5. Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut pada tahun 2017.

6. Tempoh 90 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am sepanjang tahun 2017.

PEGAWAI YANG LAYAK

7. Tertakluk kepada perenggan 5 dan 6 di atas, pegawai yang layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 adalah seperti berikut:

7.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan kontrak;

7.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;

7.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;

7.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji;

- 7.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
- 7.6 pegawai lantikan politik yang berkhidmat di Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat; dan
- 7.7 Pegawai lantikan vot terbuka.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

- 8. Pegawai yang tidak layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 adalah:
 - 8.1 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tahun 2017;
 - 8.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tahun 2017; dan
 - 8.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tahun 2017;

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARAN KHAS

- 9. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bayaran Khas Tahun 2017 ini. Pegawai hanya layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

- 10. Bayaran khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut pada tahun 2017.

11. Bagi PSH yang berkhidmat melebihi satu kontrak dalam tahun 2017, Bayaran Khas Tahun 2017 akan dibayar oleh Jabatan terakhir PSH berkhidmat tertakluk kepada PSH tersebut memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut dalam perenggan ini. Sekiranya syarat tersebut tidak dipenuhi, jabatan terdahulu yang mana PSH memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut akan membayar Bayaran Khas Tahun 2017 tersebut.

PESARA

12. Bayaran Khas Tahun 2017 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen dan penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen akan dibayar sebanyak RM500.00 oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

13. Pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara dalam tahun 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut. Pembayaran sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan bakinya sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

14. Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara kontrak dalam tahun 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut. Pembayaran sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan bakinya sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

15. Tempoh 90 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am sepanjang tahun 2017.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

16. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia dalam tahun 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut.

17. Pembayaran kepada mana-mana penerima pensyen terbitan yang layak di bawah undang-undang pensyen sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan bakinya sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

18. Tempoh 90 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am sepanjang tahun 2017.

TARIKH PEMBAYARAN

19. Bayaran Khas Tahun 2017 ini akan dibayar bersekali dengan gaji bulan Januari 2018.

TANGGUNG JAWAB PEMBAYARAN

20. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang berada dalam perkhidmatan, pembayaran Bayaran Khas Tahun 2017 ini adalah tanggungan jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat, manakala bagi pesara Kerajaan, pembayaran tersebut adalah tanggungan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

TARIKH KUAT KUASA

21. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

22. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 29 Disember 2017

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Level 8,9,10 dan 11, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil